

08/12/1997

NCWO ulangi resolusi sokong PM

PERWAKILAN ke Persidangan Dwi-Tahunan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) 1997 mengulangi resolusi sokongan padu terhadap kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang Dipertua NCWO yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail berkata anggota perwakilan NCWO akan terus memberi sokongan terhadap Dr Mahathir yang mempertahankan kedaulatan dan hak rakyat daripada serangan pihak luar dan dalam.

"Resolusi sebulat suara itu dibuat pada mesyuarat Exco NCWO pada 15 November lalu yang menyatakan rasa kesal dengan kecaman tindakan asing yang jelas menghina rakyat.

"Kecaman asing itu nyata memandang rendah terhadap kedaulatan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Sokongan ini adalah sebagai menghargai kepemimpinan Perdana Menteri yang membawa masyarakat ke arah kemajuan," katanya pada Persidangan Dwi-Tahunan NCWO di Maktab Kerjasama, semalam.

Katanya, sokongan pertubuhan yang dianggotai 87 pertubuhan wanita bukan kerajaan (NGO) turut mewakili 50 peratus penduduk wanita negara terhadap apa juga rancangan dan tindakan Perdana Menteri, Timbalan Perdana dan kerajaan.

Sementara itu, persidangan berkenaan tidak memperlihatkan banyak perubahan dalam pemilihan pegawai jawatankuasa bagi tahun 1998 hingga 2000 berikutan kebanyakan jawatan tidak dipertandingkan atau calon bertanding menarik diri.

(END)